

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 13 NOVEMBER, ISNIN

SOALAN : 37

PR-1353-L03400

Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memastikan fokus Kerajaan yang menekankan kepada penerapan masa depan digital dan menarik penyertaan perniagaan tempatan untuk menjadi jaguh global dapat direalisasikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi digital telah dikenalpasti sebagai salah satu enjin pertumbuhan yang dapat mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2016, menurut Jabatan Perangkaan, ekonomi digital telah menyumbang sebanyak 18.2% kepada KDNK Negara dan peratusan ini dijangkakan akan mencapai

sasaran lebih 20% sebelum tahun 2020. Antara usaha-usaha bagi menarik penyertaan usahawan dan syarikat tempatan untuk menjadi jaguh global adalah seperti berikut:

1. Memperkasa syarikat tempatan yang berpotensi melalui pelaksanaan program pembangunan bagi membantu syarikat memasarkan produk dan perkhidmatan serta mengakses kepada pasaran dan modal menerusi program *Global Acceleration and Innovation Network (GAIN)* serta menyediakan bantuan khidmat nasihat dan kepakaran khususnya dalam aspek pemasaran serta akses kepada pasaran dan modal kepada syarikat ICT tempatan yang berpotensi untuk menjadi syarikat global antarabangsa. Sehingga kini, sebanyak 150 syarikat tempatan yang berdaya saing turut terlibat dalam program ini.
2. Menggalakkan dan menyediakan platform bagi syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan ke pasaran antarabangsa melalui inisiatif *Digital Free Trade Zone (DFTZ)*. Sejalan dengan pelaksanaan DFTZ ini juga, sebuah rangka strategi bagi memacu pembangunan eDagang juga telah digariskan di bawah Pelan Hala Tuju Strategik eDagang Kebangsaan (NeSR) yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)*. Di bawah NeSR ini, Kementerian dan agensi terlibat telah merangka beberapa program dan aktiviti bagi memastikan usahawan dan PKS tempatan dalam sektor eDagang dapat berdaya maju dan berdaya saing di peringkat global.

3. Menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat berteknologi tinggi *startups* atau awalan melalui inisiatif *Malaysia Digital Hub*. Inisiatif ini menawarkan lokasi fizikal dengan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi serta ekosistem holistik merangkumi program pembangunan *startups*, program pembangunan bakat, peluang dan seliaan terhadap pembiayaan perniagaan termasuk kemudahan dan gaya hidup, khusus bagi syarikat-syarikat *startups* serta menawarkan insentif-insentif kepada para pelabur, syarikat teknologi global, pembangunan *start-ups* serta *Accelerator* dan *Talent Builders*. Inisiatif ini masih lagi dalam fasa permulaan dimana beberapa lokasi terpilih sedang dikenalpasti dan dimuktamadkan berdasarkan permintaan industri dan tahap ketersediaan bakat dan *startups* di lokasi tersebut.